

B.H. 1-MAR 1972

KUALA LUMPUR,
Selasa. — Bekas
sa-orang tokoh
UMNO, **Dr. Mahathir**
Mohamed, berpenda-
pat bahawa UMNO
dan PAS tidak mung-
kin mengadakan sa-
buah Kerajaan cham-
poran di-Kelantan
masa ini kerana Ke-
rajaan PAS di-negeri
itu maseh kukoh.

Bagaimana pun, tegas-
nya; mungkin di-satu ma-
sa nanti jika pengaruh
PAS berkurangan dan
Kerajaan-nya tidak lagi
teguh, Kerajaan cham-
poran antara kedua parti
itu di-Kelantan akan ter-
jalin.

Beliau memberi penda-
pat-nya itu ketika menja-
wab satu pertanyaah dari
sa-orang peserta dalam
kursus latehan bagi 83
orang pegawai pelatoh
Perkhidmatan Dalam dan
Luar Negeri di-Dewan La-
tehan Pegawai2 di-sini
petang semalam.

Rumusan

Dr. Mahathir herchere-

mah mengenai "Parti Po-
litik Malaysia."

"Jika terjadi tiga em-
pat orang anggota PAS
dalam Dewan Negeri Ke-
lantan keluar dari parti
itu menjadi anggota2 be-
bas, kemungkinan, untok
Kerajaan PAS mengada-
kan Kerajaan champoran
dengan Perikatan ada,"
kata-nya.

"Tetapi perkara ini ti-
dak mungkin berlaku se-
karang kerana pehak PAS
tentu tidak mahu Per-
ikatan menjadi rakan ka-
nan-nya dalam Kerajaan
champoran.

"Sa - balek - nya, Per-
ikatan tentu tidak mahu
mengadakan Kerajaan
champoran dengan PAS
Kelantan jika ia-nya di-
terima oleh PAS sa-bagai
rakan rendah saja," te-
gas-nya.

Dr. Mahathir berpenda-
pat bahawa rumusan dan
sistem yang di-jalankan
oleh Parti Perikatan se-
karang ini amat sesuai
bagi negara yang berbi-
lang kaum ini.

Perkauman

"Di-Malaysia, jika ada
parti yang sangat meng-
utamakan perkauman

atau yang tidak perkaum-
an sama sa-kali tidak
akan mendapat sokongan
oleh ra'ayat," kata-nya.

Perikatan, kata-nya
telah berjaya di-negeri
ini kerana dasar-nya ti-
dak bagitu perkauman
sungguh pun parti itu
menyedari bahawa sen-
timen perkauman maseh
ada.

Menurut-nya, sistem
gabongan parti perkaum-
an — UMNO-MCA-MIC
— yang di-amalkan oleh
Perikatan maseh mem-
punyai harapan meneri-
ma sokongan dari keba-
nyakan ra'ayat.

"Perasaan ini pula ti-
dak nampak akan hilang
melainkan kedudukan
semua kaum betul2 sa-
imbang dan masing2
kaum tidak berperasaan
terancham oleh kaum
yang lain," kata-nya.